

Gaji, bonus: Persatuan Pesara mahu penjelasan

UM 2 1 OCT 2001

Oleh YULPISMAN ASLI
dan SYAHRIL A. KADIR

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) akan mendapatkan penjelasan daripada kerajaan sama ada kenaikan gaji 10 peratus dan bonus kepada kakitangan awam seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2002 semalam turut merangkumi golongan pesara.

Menurut Presiden PPKM, Tan Sri Abdullah Ayub, pihaknya ragu-ragu sama ada kenaikan gaji dan bonus itu turut meliputi pesara kerana kenaikan gaji pada tahun sebelumnya hanya dinikmati oleh golongan itu selepas persatuan mengemukakan permohonan kepada kerajaan.

“Bagaimanapun kita ucapkan sebanyak terima kasih kepada kerajaan kerana melaksanakan apa yang dipohon oleh persatuan sejak sekian lama seperti meneruskan pemberian pencen kepada balu walaupun mereka berkahwin lain,” katanya.

Beliau yang ditemui selepas merasmikan Seminar Warga Pesara anjuran Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia cawangan Kelantan di Kota Bharu, hari ini turut mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk menerbitkan bon berjumlah RM1 bilion khas bagi warga negara berusia lebih 55 tahun ke atas.

Cadangan itu, katanya, akan memberi peluang kepada warga tua untuk

memperoleh pendapatan yang lebih berbanding menyimpan secara tetap di institusi kewangan dengan kadar faedah lebih rendah.

Sementara itu, Presiden PPKM Selangor, Datuk Wan Mahmood Pawanteh berkata, satu penjelasan terperinci perlu diberikan kepada pesara-pesara kerana ramai di antara mereka yang ‘keliru’ dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam.

“Jika benar kenaikan gaji itu hanya untuk mereka yang masih dalam perkhidmatan, sememangnya ia sesuatu yang mengecewakan.

“Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan suara dan rintihan pesara kerana mereka suatu ketika dahulu pernah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemakmuran negara,” tegasnya.

Pegawai Perhubungan Awam Persatuan Pesara Kakitangan Mara, Abu Bakar Sharif pula berkata, sebarang kenaikan gaji atau bonus perlu mengambil kira golongan pesara kerana majoriti daripada mereka sudah tidak mempunyai pekerjaan dan terpaksa bergantung kepada wang pencen.

“Lebih malang lagi, ada di antara pesara kerajaan masih mempunyai anak yang kecil dan masih bersekolah. Apa salahnya kami mendapat sedikit imbuhan, sekurang-kurangnya kami terasa seperti dihargai,” katanya.